

14 OCT 1999

Mahathir-Belanjawan

BELANJAWA TAK DIPERCEPATKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belanjawan negara akan diumumkan seperti jadual pada 29 Okt ini dan menafikan khabar angin kononnya ia akan dipercepatkan kerana pilihan raya.

"Ianya tetap pada 29 Okt, saya jamin. Jadi, tidak ada (kaitan dengan) pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai ura-ura kononnya kerajaan akan mempercepatkan Belanjawan itu menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Kita tengok nanti sama ada Parlimen akan dibubar atau tidak. Jika kita ada cukup undi, mungkin kita bubarkan," katanya.

Dr Mahathir berkata belanjawan itu pastinya akan menggambarkan pemulihan ekonomi.

Beliau berkata prestasi negara lebih baik daripada yang dijangka dan ini akan digambarkan dalam belanjawan nanti.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 25 Okt ini adalah mesyuarat biasa dan bukannya untuk membuat keputusan mengenai pilihan raya.

"Kita selalu berbincang mengenai pilihan raya (dalam mesyuarat majlis itu). Kamu boleh katakan ianya mesyuarat terakhir, sebelum terakhir atau selepas terakhir, tak ada bezanya," katanya.

Mesyuarat itu akan diadakan sehari selepas sambutan perayaan ulang tahun ke 25 BN di Stadium Nasional di Bukit Jalil.

-- BERNAMA

sbj mai